

02/10/1998

Selangor perluas penerangan

SHAH ALAM, Khamis - Kerajaan Selangor akan menganjurkan aktiviti penerangan kepada rakyat di negeri ini, terutama mereka yang bukan ahli Umno berhubung tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan parti.

Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar, berkata langkah itu diambil selepas kerajaan negeri berpuas hati dengan pencapaian majlis penerangan kepada ahli Umno yang dianjurkan oleh Umno bahagian di negeri ini.

"Kita sangat berpuas hati dengan majlis penerangan yang dianjurkan oleh Umno bahagian berikutan kini ramai ahli Umno mula memahami tindakan Dr Mahathir memecat Anwar daripada Kabinet dan parti.

"Sebab itu, kita selepas ini akan babitkan rakyat bukan di kalangan ahli Umno. Kita akan tugaskan kepada Umno bahagian di negeri ini untuk aturkan majlis penerangan itu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Kongres Pertubuhan Jurureka Dalam Asia Pasifik (APSDA) 1998 di sini, hari ini.

Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor, Datuk Onn Ismail dan Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

Abu Hassan berkata, kerajaan negeri juga tidak nampak wujud masalah di kalangan pegawai dan kakitangannya berhubung pemecatan Anwar kerana di peringkat ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (Exco), perbincangan berhubung perkara itu sering dilakukan.

"Ini jelas, apabila dalam pertemuan saya dengan pegawai kerajaan sama ada dalam mesyuarat formal seperti majlis pembangunan negeri dan perjumpaan di luar Shah Alam, mereka memahami tindakan pemecatan itu.

"Setakat ini, tidak ada pegawai atau kakitangan kerajaan tidak memberi kerjasama malah atas asas tertentu, mereka menjalankan tugas seperti biasa dan meneruskan sokongan kepada kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan," katanya.

Mengenai ahli Umno Selangor yang terbabit dalam gerakan reformasi anjuran Anwar, Abu Hassan berkata, pihaknya sudah mengemukakan nama ahli terbabit kepada Ibu Pejabat Umno untuk dibincangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti.

Beliau berkata, setakat ini, pihaknya mengemukakan nama 15 ahli Umno Selangor yang dikenal pasti terbabit dalam gerakan reformasi itu.

(END)